

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]**

TARIKH : 27 MEI 2015 (RABU)

SOALAN :

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar minta MENTERI TENAGA,
TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan apakah status terkini
perjanjian penstrukturran semula air antara Kerajaan Persekutuan
dengan Kerajaan Negeri Selangor.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Perjanjian Utama atau *Master Agreement* yang telah ditandatangani pada 12 September 2014 oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) masih belum dapat dikuatkuasakan kerana terdapat *conditions precedent* (CPs) yang belum dipenuhi disebabkan beberapa isu yang tidak dapat diselesaikan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Walaupun Kerajaan Persekutuan telah beberapa kali menawarkan pelanjutan tempoh *cut-off date* bagi memenuhi CPs Perjanjian Utama, namun pihak Kerajaan Negeri Selangor masih belum dapat memenuhinya menyebabkan Perjanjian Utama tidak dapat dilaksanakan dan penstruktur semula tidak dapat dimuktamadkan.

2. Oleh itu, saya menyambut baik maklum balas positif YAB Dato' Menteri Besar Selangor melalui surat bertarikh 7 April 2015 untuk meneruskan rundingan bagi memuktamadkan penstruktur semula. Namun begitu, dalam sesi-sesi rundingan susulan yang telah diadakan, kesediaan tersebut tidak diterjemahkan dalam

bentuk tindakan dan pendirian Kerajaan Negeri Selangor untuk menyelesaikan isu yang mengekang kepada penyempurnaan CPs Perjanjian Utama.

3. Dengan mengambil kira bahawa pelanjutan tempoh *cut-off date* yang ditawarkan oleh Kerajaan Persekutuan telah tamat pada 30 April 2015, saya telah menyerahkan kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor untuk membuat keputusan terbaik dalam menentukan hala tuju penstrukturkan semula industri perkhidmatan bekalan air negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan semua tanggungjawabnya dan tindakan-tindakan yang perlu untuk menstrukturkan semula industri bekalan air Selangor termasuk menyediakan peruntukan sehingga RM2 bilion untuk membantu Kerajaan Negeri Selangor mengambil alih ekuiti syarikat-syarikat konsesi air dan mengambil alih liabiliti atau hutang-hutang yang berkaitan dengan perkhidmatan bekalan air negeri Selangor yang dianggarkan berjumlah RM7.65 bilion. Oleh itu, Kerajaan Negeri Selangor perlu menunjukkan kesungguhan dan keikhlasan dalam melaksanakan Perjanjian Utama bagi membolehkan penstrukturkan semula industri perkhidmatan bekalan

air negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dimuktamadkan.
